# LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
# RABU 8 SEPTEMBER 2021

| BIL | TAJUK KERATAN AKHBAR | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI |
|---|---|---|
| 1. | STOK BERAS DITINGKATKAN HINGGA 80 PERATUS, TVS.MY-ONLINE | KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI) |
| 2. | MINISTRY MAKES ANIMAL FEED DONATION, NEWS, NST-11 | |
| 3. | PERAK SASAR 526 LADANG TERNAKAN AYAM GUNA KAEDAH TERTUTUP, LOKAL, HM-3 | JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (JPV) |
| 4. | GUNA SISTEM LADANG AYAM TERTUTUP, NEGERI PERAK, SH-28 | |
| 5. | PERAK TUBUH JAWATANKUASA KHAS TANGANI ISU AYAM, LALAT, UM-ONLINE | |
| 6. | TANGANI MASALAH GANGGUAN LALAT, NEGARA, KOSMO-17 | |
| 7. | MAQIS SEKAT KEMASUKAN UNGGAS, SERANGGA PEROSAK, MSN.COM-ONLINE | JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS) |
| 8. | KUCING BAKA BSH DARI RUSIA DIRAMPAS, NEGARA, KOSMO-18 | |
| 9. | LAZADA MALAYSIA, FAMA ADAKAN KERJASAMA, EKONOMI, UTUSAN SARAWAK-28 | LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA) |
| 10. | LAZADA MALAYSIA COLLABORATES WITH FAMA TO ACCELARATE DIGITALISATION OF AGRICULTURAL SECTOR AND FARMERS, MSN.NEWS-ONLINE | |
| 11. | GIANT GREEN TURTLE FOUND DEAD ON LABUAN BEACH, HOME, BORNEO POST KK-5 | JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF) |
| 12. | GIANT GREEN TURTLE FOUND DEAD WITHOUT HEAD AND TAIL ON LABUAN BEACHHOME, BORNEO POST KUCHING-1 | |
| 13. | NELAYAN DIKUALA KEDAH TIDAK TURUN KE LAUT, PASARKAN HASIL, BH-ONLINE | PERSATUAN NELAYAN KEBANGSAAN (NEKMAT) |
| 14. | BELACAN, CENCALUK BAKAL PUPUS, MUKA DEPAN/ DALAM NEGERI, UM-1&3 | LAIN-LAIN |
| 15. | PASIR PUTIH TOP FRESHWATER FISH PRODUCER IN KELANTAN, NEWS IN BRIEF, NST-14 | |
| 16. | HARGA AYAM MENCANAK RM9.90 SEKILO, LOKAL, HM-6 | |
| 17. | MENGELUH HARGA AYAM NAIK, NEGERI TERENGGANU, SH-28 | |
| 18. | HARGA RUNCIT AYAM CECAH RM10 SEKILOGRAM, NEGERI TERENGGANU, SH-26 | |
| 19. | HASIL LAUT PULAU PINANG DICURI, MUKA DEPAN/ NEGARA, KOSMO 1&3 | |
| 20. | BOIKOT BELI AYAM JIKA TERUS MAHAL, NEGARA, KOSMO-7 | |
| 21. | KOS OPERASI TERUS MENINGKAT MENEKAN PENGUSAHA RESTORAN, NEGARA, KOSMO | |

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 08.09.2021 | TVS .MY | ONLINE | |

# STOK BERAS DITINGKATKAN HINGGA 80 PERATUS DI SELURUH NEGARA




**KOTA KINABALU** : Pengeluaran beras negara dijangka akan dapat ditingkatkan hingga 80 peratus daripada keperluan rakyat Malaysia.

Menurut Menteri Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), Datuk Seri Dr Ronald Kiandee, hal tersebut merupakan aspirasi yang ingin dicapai kerajaan dalam tempoh 10 tahun akan datang menerusi Dasar Agromakanan Negara 2021-2023 (DAN 2.0).

"Jadi itu merupakan satu aspirasi yang hendak dicapai oleh kerajaan melalui MAFI.

"Jadi pelbagai usaha dan pendekatan sedang dibuat oleh kerajaan untuk meningkatkan pengeluaran beras tempatan bagi memenuhi keperluan. Kita harus bergerak ke arah kemampuan untuk mengeluarkan beras bagi keperluan rakyat Malaysia," katanya.

Setakat ini negara hanya mampu mengeluarkan 70 peratus beras tempatan manakala 30 peratus adalah beras import.

Bagi negeri Sabah pula, ia hanya mampu mengeluarkan sebanyak 20 peratus sahaja beras tempatan daripada keperluan masyarakat.

Dr Ronald turut menyeru agar kerajaan persekutuan dan negeri dapat bekerja sama dalam melaksanakan tindakan bagi meningkatkan lagi jumlah pengeluaran beras tempatan di Sabah.

AUTHOR: No author available SECTION: LOCAL NEWS PAGE: 11 PRINTED SIZE: 116.00cm² REGION: KL
MARKET: Malaysia PHOTO: Black/white ASR: MYR 2,106.00 ITEM ID: MY0045135813



07 SEP, 2021

Ministry makes animal feed donation

New Straits Times, Malaysia



# Ministry makes animal feed donation

**PASIR MAS:** The Agriculture and Food Industries Ministry donated 120 tonnes of seized imported agricultural products worth RM2.1 million as animal feed to departments and agencies from January to August.

Deputy Minister II Dr Nik Muhammad Zawawi Salleh said the contribution was distributed by the Malaysian Quarantine and Inspection Services Department (Maqis) through the Mafi Prihatin Programme.

"All the products seized were imported agricultural items which have undergone the legal process and had been stripped of ownership due to violations," he said.

He was speaking at a media conference after an Animal Food Supply Handover Programme at the Kelantan Maqis office in Rantau Panjang here, on Sunday.

Commenting on the programme, Nik Zawawi said 11 tonnes of animal products worth RM87,000 were distributed to departments and agencies needing such items.

"The contributions were disseminated to Taiping Zoo, the National Wildlife Rescue Centre in Sungkai, Perak, the Royal Kelantan Endurance Stable and other organisations.

"The contributions were also turned into catfish feed under a convict rehabilitation programme at the Malaysian Prisons Department."

He said the ministry, through Maqis, would continue to be committed and firm in conducting enforcement against illegal agricultural product imports. **Bernama**

isentia

AUTHOR: No author available SECTION: LOCAL NEWS PAGE: 11 PRINTED SIZE: 116.00cm² REGION: KL
MARKET: Malaysia PHOTO: Black/white ASR: MYR 2,106.00 ITEM ID: MY0045135813



07 SEP, 2021

# Ministry makes animal feed donation

New Straits Times, Malaysia



## SUMMARIES

PASIR MAS: The Agriculture and Food Industries Ministry donated 120 tonnes of seized imported agricultural products worth RM2.1 million as animal feed to departments and agencies from January to Augus t. Deputy Minister II Dr Nik Muhammad Zawawi Salleh said the contribution was distributed by the Malaysian Quarantine and Inspection Services Department (Maqis) through the Mafi Prihatin Prog r a m m e.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 8/9/2021 | HARIAN METRO | LOKAL | 3 |

# Perak sasar 526 ladang ternakan ayam guna kaedah tertutup



RAZMAN (dua dari kiri) melihat ternakan ayam di sebuah ladang di Kampung Baru, Sitiawan, semalam.

**Sitiawan:** Penternakan ayam secara kaedah tertutup dengan penggunaan pendingin hawa dapat menjimatkan masa pengurusan dan lebih efisien serta membantu mengurangkan masalah lalat.

Sehubungan itu kerajaan negeri menyasarkan 526 ladang ternakan ayam di seluruh negeri ini berubah sepenuhnya kepada kaedah ternakan secara tertutup dalam tempoh tiga tahun ini.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Makanan, Razman Zakaria berkata, setakat ini hanya 30 peratus daripada jumlah itu beroperasi secara kaedah tertutup.

Menurutnya, ia bagi membantu mengurangkan masalah gangguan lalat yang sering berlaku di kawasan penempatan penduduk sejak lebih 30 tahun lalu terutama di daerah Manjung.

Katanya, kerajaan negeri juga menubuhkan satu jawatankuasa khas membabitkan semua agensi berkaitan bagi menangani masalah itu.

"Difahamkan masalah lalat ini disumbangkan oleh ladang ternakan secara terbuka, jadi kerajaan negeri dan jawatankuasa teknikal (merangkumi agensi terbabit) akan mengadakan mesyuarat untuk menentukan tempoh bagi menyelesaikan masalah reban terbuka ini.

"Tindakan dan pemantauan memang diambil secara berterusan oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) dan semua agensi terbabit.

"Kita juga sedang membuat pindaan enakmen unggas (Enakmen Perladangan Unggas 2005) dan mungkin kita akan menetapkan (amaun kompaun) lebih tinggi sebagai pengajaran kepada mereka (penternak)," katanya ketika melawat ladang ternakan ayam di Kampung Baru di sini, semalam.

Beliau berkata, setakat ini Perak mempunyai 526 ladang ternakan dengan 151 ladang berada di Manjung membabitkan 542 reban terbuka dan 436 pula beroperasi secara kaedah tertutup.

**436 reban beroperasi secara kaedah tertutup setakat ini**

Katanya, ada ladang ternakan ayam sudah wujud lebih awal daripada perumahan atau penempatan penduduk.

"Setakat ini kerjasama (daripada pengusaha) tiada masalah tetapi kita mahu segera (berubah kepada sistem tertutup) dan kita menjangkakan dalam tiga tahun ini kita mahu semua (reban menggunakan) sistem tertutup.

"Kebaikan reban kaedah tertutup ini dapat mengurangkan kacau ganggu lalat (di samping pematuhan amalan ditetapkan). Punca utama mereka masih belum berubah kepada kaedah ini kerana kos penyelenggaraan (namun) kita mahu kerjasama semua pihak," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 8/9/2021 | SINAR HARIAN | NEGERI PERAK | 28 |

# Guna sistem ladang ayam tertutup

Sasaran dalam tempoh tiga tahun, atasi masalah gangguan lalat

**LUMUT**

Kerajaan negeri menyasarkan kesemua ladang ternakan ayam di Perak beralih kepada sistem tertutup dalam tempoh tiga tahun.

Pengerusi Jawatankuasa Perladangan, Pertanian dan Industri Makanan negeri, Razman Zakaria berkata, sasaran itu dibuat bagi mengurangkan kacau ganggu terutama masalah lalat yang dikatakan berpunca daripada reban ayam menggunakan kaedah terbuka.

"Kebaikan ladang tertutup ini adalah dapat mengurangkan kacau ganggu lalat. Kita mahu segerakan pengusaha beralih ke ladang tertutup.

"Kita sedang perbaiki Enakmen Perladangan Unggas Perak 2005 dan satu jawatankuasa telah ditubuhkan. Kita hendak lihat dari aspek teknikal dan sebagainya. Kita jangka jika ikut Majlis Keselamatan Negara (MKN) dalam masa tiga tahun ini, kalau dapat kita mahu semua ikut sistem (tertutup)," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas melawat ladang ayam di Kampung Baru, Sitiawan di sini pada Selasa.

Razman berkata, sehingga kini sebanyak 30 peratus daripada 526 ladang ternakan di Perak telah beralih kepada sistem tertutup dan pihaknya sedang berusaha memberi kesedaran kepada pengusaha yang masih menggunakan sistem terbuka.

"Di Perak, sebanyak 33 peratus pengeluarannya adalah untuk penggunaan di seluruh Malaysia dan menurut Jabatan Perkhidmatan Veterinar, sedikit kekacauan akan menyebabkan harga ayam itu naik.

"Jadi, ini adalah peranan kita untuk mengimbangkan antara kacau ganggu dan pengeluaran industri makanan," katanya.

FOTO: BERNAMA



Razman (dua dari kiri) melihat ternakan ayam di sebuah ladang di Kampung Baru, Sitiawan pada Selasa.

Dalam pada itu, Razman berkata, kerajaan negeri juga menubuhkan satu jawatankuasa khas bagi menangani pelbagai isu berkaitan penternakan ayam termasuk gangguan lalat yang berlaku di beberapa kawasan, antaranya di daerah Manjung.

Beliau yang mempengerusikan jawatankuasa berkenaan berkata, pihaknya akan melakukan kajian meminda Enakmen Perladangan Unggas Perak 2005 dalam mengenakan hukuman lebih berat terhadap pengusaha yang melakukan pencemaran termasuk menjadi tempat pembiakan lalat.

"Mungkin kita akan tetapkan amaun kompaun lebih tinggi sebagai pengajaran kepada pengusaha," katanya.

Sementara itu, pengusaha ladang ternakan ayam secara tertutup, Ling Yoke Hua berkata, sistem tertutup memudahkan pengusaha mengawal pembiakan lalat.

"Ia juga menjimatkan masa, selain pengurusan lebih efisien dan cekap," katanya yang mengusahakan ladang milik keluarganya sejak 40 tahun lalu. - *Bernama*

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 06.09.2021 | UTUSAN MALAYSIA | ONLINE | |

# PERAK TUBUH JAWATANKUASA KHAS TANGANI ISU AYAM, LALAT



**LUMUT:** Kerajaan Perak menubuhkan jawatankuasa khas bagi menangani semua isu berkaitan penternakan ayam dan lalat di beberapa kawasan termasuk di daerah Manjung yang juga antara daerah pengeluar ayam terbesar di negara ini.

Ia diketuai oleh Pengerusi Jawatankuasa Perladangan, Pertanian dan Industri Makanan Perak, Razman Zakaria yang akan menjalankan kajian bagi meminda Enakmen Perladangan Unggas Perak 2005 bagi mengenakan hukuman lebih berat terhadap pengusaha yang melakukan pencemaran alam sekitar termasuk menjadi tempat pembiakan lalat. Razman berkata, jawatankuasa itu juga akan menetapkan tempoh sesuai untuk semua 526 ladang ayam di Perak menggunakan sepenuhnya sistem reban tertutup, dengan sasaran tiga tahun daripada sekarang.

"Ketika ini, hanya kira-kira 30 peratus ladang ayam sedia ada di negeri ini yang menggunakan sistem reban tertutup. "Ketika ini hukuman maksimum bagi kesalahan berkaitan unggas hanya RM10,000 , justeru kita mahu meminda enakmen sedia ada agar hukuman lebih berat serta memberi lebih banyak kuasa kepada Jabatan Perkhidmatan Veterinar bagi menguat kuasakan peraturan berkaitan," katanya.

Beliau menyatakan demikian kepada pemberita selepas melakukan lawatan ke dua buah ladang ayam di Simpang Dua, Sitiawan, hari ini. Menurut Razman, lawatan itu dilakukan selepas menerima aduan penduduk berhampiran ladang ayam tersebut mengenai masalah gangguan lalat dialami mereka.

Beliau menjelaskan, penduduk Kampung Baru Simpang Dua memberitahu masalah dialami sudah berlarutan sejak kira- kira 30 tahun lalu, serupa seperti aduan sama yang dialami penduduk di tempat lain. Razman bagaimanapun tidak mahu menyalahkan pengusaha ternakan ayam semata-mata kerana ada ladang terlibat sudah wujud lebih awal daripada penempatan penduduk di sesuatu kawasan aduan itu dibuka.

Pada masa sama, katanya, sebarang usaha untuk menutup ladang ayam yang dikatakan menjadi punca kepada masalah gangguan lalat boleh memberi kesan kepada kenaikan harga ayam di pasaran. Jelasnya, sebagai contoh di daerah Manjung terdapat 151 ladang yang memiliki 978 reban menyumbang kepada tujuh peratus pengeluaran ayam negara dan 33 peratus ayam negeri, yang memberi kesan kepada harga pasaran ternakan itu jika tindakan terlalu tegas dikuat kuasakan.

Oleh itu, beliau berharap jawatankuasa khas unggas yang diwujudkan itu mampu mencapai penyelesaian menang-menang terhadap semua isu berkaitan ladang dan ternakan ayam di Perak. Sementara itu faktor sikap, tanggungjawab dan kesedaran dalam kalangan pengusaha dan pekerja ternakan ayam menjadi penentu sama ada ladang ternakan diusahakan menjadi tempat pembiakan lalat sehingga mengganggu penempatan penduduk berhampiran.

Pemilik syarikat ternakan ayam Sing Lian Keong Sdn Bhd, Ling Yoke Hua, 46, berkata, jika pengusaha dan pekerjanya lebih bertanggungjawab, isu pembiakan lalat boleh dikawal dan dapat memastikannya tidak mengganggu penempatan penduduk berhampiran.

"Memang diakui ternakan sistem reban tertutup lebih mudah mengawal lalat selain lebih cekap daripada aspek pengurusan berbanding sistem reban terbuka. "Tetapi, jika tiada sikap, tanggungjawab dan kesedaran di kalangan pengusaha dan pekerjanya iaitu tidak menjaga kebersihan, tidak melakukan usaha mengawal lalat seperti membuat semburan kabut (fogging), guna sistem reban tertutup pun boleh menjadi tempat pembiakan lalat," katanya.

Menurut Yoke Hua, syarikatnya yang mengusahakan 50 reban dengan setiap reban menempatkan 40,000 ekor ayam, melaksanakan sistem reban tertutup sejak 2000 yang didapati lebih mudah untuk mengawal kehadiran lalat berbanding ketika menggunakan sistem reban terbuka sebelum ini. Malah, katanya, tumbesaran ayam juga lebih baik dan cepat, kadar kematian berkurangan selain keadaan reban lebih bersih menerusi sistem reban tertutup.

"Cuma, risiko sistem reban tertutup ialah memastikan jangan berlaku gangguan elektrik kerana jika terputus bekalan elektrik, ia boleh mengakibatkan kerugian besar kerana ayam akan banyak mati," jelasnya. – UTUSAN ONLINE

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 8/9/2021 | KOSMO | NEGARA | 7 |

Kerajaan negeri tubuh jawatankuasa khas selesaikan isu ladang ayam

# Tangani masalah gangguan lalat

**Isu Setempat**

Oleh SHAMSUL KAMAL AMARUDDIN

LUMUT – Satu jawatankuasa khas akan ditubuhkan pada peringkat negeri bagi menangani semua isu berkaitan penternakan ayam termasuk aduan gangguan lalat di beberapa kawasan termasuk Manjung yang merupakan antara kawasan pengeluar ayam terbesar di negara ini.

Fungsinya termasuk mengkaji bagi meminda Enakmen Perladangan Unggas Perak 2005 untuk mengenakan hukuman lebih berat terhadap pengusaha yang melakukan pencemaran termasuk menjadi tempat pembiakan lalat.

Pengerusi Jawatankuasa Perladangan, Pertanian dan Industri Makanan negeri Perak, Razman Zakaria berkata, beliau akan mengetuai jawatan kuasa berkenaan.



RAZMAN ZAKARIA (dua dari kiri) meninjau ladang ayam yang menggunakan sistem reban tertutup di Simpang Dua, Sitiawan semalam.

Menurutnya, jawatankuasa itu juga akan menetapkan tempoh sesuai kepada 526 ladang ayam di Perak menggunakan sistem reban tertutup sepenuhnya dalam tempoh tiga tahun daripada sekarang.

"Ketika ini hanya 30 peratus ladang ayam menggunakan sistem reban tertutup, manakala hukuman maksimum bagi kesalahan berkaitan unggas hanya RM10,000.

"Jadi, kita mahu meminda enakmen sedia ada agar hukuman lebih berat serta memberi lebih banyak kuasa kepada Jabatan Perkhidmatan Veterinar negeri," katanya selepas melakukan lawatan ke dua buah ladang ayam di Simpang Dua, Sitiawan semalam.

Lawatan itu susulan aduan penduduk berhampiran ladang ayam tersebut mengenai masalah gangguan lalat.

Difahamkan, penduduk Kampung Baru Simpang Dua dilanda masalah itu sejak 30 tahun lalu, aduan sama turut disuarakan oleh penduduk di tempat lain.

Razman bagaimanapun tidak mahu menyalahkan pengusaha ternakan ayam semata-mata kerana ada ladang terlibat sudah wujud lebih awal daripada penempatan penduduk di sesuatu kawasan aduan itu dibuka.

Pada masa sama katanya, sebarang usaha untuk menutup ladang ayam yang dikatakan menjadi punca masalah gangguan lalat boleh memberi kesan kepada kenaikan harga ayam di pasaran kerana kawasan itu merupakan ternakan ayam terbesar.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 08.09.2021 | MSN.COM | ONLINE | |

# MAQIS SEKAT KEMASUKAN UNGGAS, SERANGGA PEROSAK



Kuala Lumpur: Sejumlah 597 pintasan perosak dilaksanakan oleh Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) di semua pintu masuk negara sepanjang Januari hingga Julai tahun ini.
Ia termasuk pelbagai komoditi buah-buahan, tumbuhan dan bahan pertanian dan mana-mana konsainan yang mengandungi perosak diarahkan dilucuthak, dilupus atau dilepaskan dengan rawatan semula.

Ketua Pengarahnya Shamsul Akbar Sulaiman berkata, terbaru, pihaknya merampas 330 burung peliharaan dari Mali diimport pada 13 Mei melalui pintu masuk kargo Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), Sepang yang didapati positif selepas persampelan bagi penyakit Avian Influenza atau lebih dikenali sebagai selesema burung dan Newcastle Disease (ND) semasa dalam tempoh kuarantin yang ditetapkan.

"Penyakit itu mampu memusnahkan industri unggas negara dan menjejaskan bekalan sumber protein seperti daging ayam dan telur kepada pengguna.

"Maqis sebagai badan bertanggungjawab kuarantin melupuskan kesemua konsainan burung terbabit di Stesen Kuarantin KLIA pada 27 Mei selepas mendapat keputusan makmal mengenai jangkitan selesema burung," katanya kepada Harian Metro.

Shamsul Akbar berkata, Maqis sentiasa memastikan negara dan industri pertanian negara dilindungi daripada pelbagai penyakit, serangga perosak, kandungan racun tidak dibenarkan dan perkara lain yang memudaratkan.

Sebagai contoh katanya, bagi sektor pertanian, Maqis mengawal ketat sebarang kemasukan mangga import terutama dari negara India dan Pakistan kerana ancaman perosak Mango Seed Weevil.
"Penyakit ini disebabkan oleh sejenis kumbang perosak iaitu Sternochetus Mangiferae yang biasanya boleh ditemui di dalam biji buah mangga berkenaan.

"Sekiranya kemasukan perosak yang tidak diingini ini tidak dikawal, industri harumanis yang bernilai hampir RM70 juta di Perlis boleh menjadi lumpuh dan terjejas," katanya.

Menurutnya, bagi sektor penternakan, ancaman besar kepada negara ketika ini ialah kemasukan ternakan lembu dari luar negara yang mungkin boleh membawa masuk pelbagai penyakit ternakan.
Memberikan contoh, beliau berkata, Mei lalu negara dikejutkan dengan kemasukan penyakit Lumpy Skin Disease (LSD) yang disebabkan oleh Virus Capripox daripada ternakan dari negara jiran.

"Maqis sudah mengesan kes LSD pada ternakan lembu susulan dari pemeriksaan fizikal yang dijalankan semasa tempoh kuarantin.

"Penyakit ini boleh merebak dengan kehadiran vektor seperti lalat dan nyamuk. Walaupun, penyakit ini tidak bersifat zoonotik dan tidak akan menjangkiti manusia namun boleh melumpuhkan industri ternakan sekiranya tidak di kawal.

"Selain itu, Maqis mengawal ketat sebarang kemasukan anjing dan kucing dari negara luar bagi mengawal penularan penyakit anjing gila," katanya.
Menurutnya, jabatan hanya membenarkan kemasukan anjing dan kucing dari negara luar termasuk Sarawak selepas menerima pengesahan sijil kesihatan veterinar yang dikeluarkan pihak berkuasa veterinar negeri atau negara berkenaan yang mengesahkan bebas penyakit rabies serta disuntik dengan vaksin dan perlu di kuarantin selama tujuh hingga 14 hari di stesen kuarantin Maqis.

Dalam pada itu, beliau berkata, ketika ini pihaknya beroperasi di 57 pintu masuk negara dengan bilangan anggota penguat kuasa yang agak terhad. Selain itu katanya, fungsi Maqis juga pada masa ini agak terbatas, yang mana tugas penguatkuasaan dan pemeriksaan hanya terhad di pintu masuk, stesen kuarantin dan premis kuarantin yang diiktiraf saja.

"Justeru kerjasama daripada pelbagai pihak agensi penguat kuasa terutama yang mengawal pintu masuk tidak sah seperti Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Pasukan Gerakan Am (PGA) dan lain-lain perlu dipertingkatkan.

"Selain itu, Maqis juga sudah mengemukakan cadangan pindaan kepada Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728) dalam memperluaskan bidang kuasa penguatkuasaan jabatan melangkaui pintu masuk negara.

"Cadangan penstrukturan dan pertambahan jumlah anggota juga sudah dikemukakan bagi memantapkan operasi dan tugas Maqis," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 8/9/2021 | KOSMO | NEGARA | 18 |



**KUCING baka BSH yang diimport dari Rusia ditahan oleh pihak Maqis di bahagian kargo KLIA, Sepang pada Ahad lalu.**

# Kucing baka BSH dari Rusia dirampas

**SEPANG** – Seekor kucing baka British Short Hair (BSH) yang dimport dari Rusia ditahan pihak berkuasa ketika pemeriksaan dilakukan di kawasan pemeriksaan di bahagian kargo Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) di sini, Ahad lalu.

Pemeriksaan itu dilakukan pegawai penguat kuasa Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) pada dokumen sijil kesihatan dan fizikal haiwan itu kira-kira pukul 3 petang.

Maqis Selangor dalam satu kenyataan berkata, hasil pemeriksaan lanjut mendapati, terdapat kesalahan apabila nombor mikrocip yang terdapat pada badan kucing tersebut didapati tidak sama dengan dokumen pada sijil kesihatan yang diisytiharkan.

"Haiwan tersebut kemudiannya telah ditahan dan dikuarantin untuk tindakan selanjutnya," katanya di sini semalam.

Katanya lagi, kesalahan mengimport haiwan peliharaan dengan mengisytiharkan maklumat palsu, tidak tepat atau mengelirukan merupakan suatu kesalahan di bawah Seksyen 13, Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728).

"Jika sabit dengan kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM50,000 atau dipenjarakan tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya," katanya.



07 SEP, 2021

# Lazada Malaysia, FAMA adakan kerjasama

Utusan Sarawak, Malaysia



## Lazada Malaysia, FAMA adakan kerjasama

**KUALA LUMPUR:** Lazada Malaysia dan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) mahu mempercepatkah pendigitalan di kalangan petani dan sektor pertanian secara keseluruhan melalui program 'Onboarding' Produk Agromakanan di Platform e-Dagang.

Inisiatif perintis itu, yang disokong oleh Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC), akan menyaksikan ratusan petani tempatan mengorak langkah digital mereka melalui platform e-dagang Lazada kata organisasi berkenaan dalam satu kenyataan bersama.

Program tersebut merupakan sebahagian daripada payung Inisiatif E-dagang Belanjawan 2021 MDEC.

FAMA yang akan menghubungkan rangkaian petani ke platform itu telah menetapkan sasaran penjualan sebanyak RM1.5 juta, yang akan memberi manfaat kepada 121 pengusaha berdaftar FAMA dan melibatkan sekitar 600 unit penyimpanan stok, kata Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan) FAMA Datuk Mohamad Mustapa Awang.



"Program ini kemudian akan diperluaskan kepada lebih daripada 50,705 pengusaha di jaringan FAMA. Selain itu, FAMA semakin mencapai matlamat untuk memudahkan usaha pendigitalan usahawan bagi meningkatkan pendapatan melalui platform dalam talian sejajar dengan Revolusi Industri 4.0," katanya.

Ketua Pegawai Eksekutif Lazada Malaysia Magnus Ekbom (gambar) berkata, platform e-dagang itu akan menyediakan usahawan terlibat dengan akses ke Universiti Lazada, yang bertujuan membantu menyediakan kedai digital mereka, termasuk laluan kepada pelbagai peralatan digital untuk mengoperasi dan meningkatkan keupayaan jualan digital mereka.

Tinjauan oleh Institut Penyelidikan dan Pembangunan Pertanian Malaysia (MARDI) mendapati bahawa 91 peratus petani tempatan menghadapi kesukaran menjual produk pertanian mereka pada peringkat awal Perintah Kawalan Pergerakan pada 2020 kata kenyataan itu. - Bernama



07 SEP, 2021

# Lazada Malaysia, FAMA adakan kerjasama

Utusan Sarawak, Malaysia



## SUMMARIES

KUALA, LUMPUR: Lazada Malaysia dan Lembaga Pemasaran Pertanian Perse- - kutuan (FAMA) mahu mempercepatka'n pendigitalan di kalangan petani dan sektor pertanian secara keseluruhan melalui program 'Onboarding' Pro- 'duk Agromakanan di Platform e-Dagang. Inisiatif perintis itu, yang disokong oleh Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC), akan menyaksika ratusan petani tempatan mengorak langkah digital mereka melalui platform e-dagang Lazada, kata organisasi berkenaan dalam satu kenyataan bersama. Program tersebut merupakan sebahagian daripada payung Inisiatif E-datif

gang Belanjawan 2021 MDEC.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 6/9/2021 | MSN.NEWS | ONLINE | |

# LAZADA MALAYSIA COLLABORATES WITH FAMA TO ACCELERATE DIGITALISATION OF AGRICULTURAL SECTOR AND FARMERS




KUALA LUMPUR, 6 September 2021 – In response to challenges faced by the local agricultural sector, Lazada Malaysia is teaming up with the Federal Agricultural Marketing Authority (FAMA) to digitalise local farmers through the 'Onboarding of Agrofood Products on eCommerce Platform' program. With support from Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC), the pioneer initiative will see hundreds of local farmers kickstart their digital journey on Lazada's eCommerce platform in an effort to support the agricultural sector in the country.

The program, which is part of MDEC's Belanjawan 2021 E-commerce Initiative umbrella, aims to accelerate the digitalisation of farms and agro-based merchants and enterprises to spur the growth of the category in the digital economy. In partnership with Lazada, FAMA will connect their network of farmers to the eCommerce platform, and newly onboarded agricultural entrepreneurs on the platform will not only have access to Lazada University, which will provide assistance in setting up their digital stores, but they will also have access to a variety of digital tools to operate and improve their online selling capabilities.

In the meantime, Malaysians are able to take advantage of a variety of consumer benefits such as Free Shipping and discount vouchers worth up to RM15 with a minimum spend of RM60, as part of Lazada's ongoing effort to encourage them to support and shop 'local' online.

According to a survey by the Malaysian Agricultural Research and Development Institute (MARDI), 91% of local farmers faced difficulties in selling agricultural products in the early stages of the Movement Control Orders (MCO) last year. Lazada were among the first companies in Malaysia to address the issue in March 2020 by onboarding farmers and agro-based merchants who were deeply impacted by the lockdowns and pandemic such as Cameron Farmers, Selangor State Prawn Farmers and more through its Pakej Kedai Pintar stimulus package. Since then, Lazada has been proactively facilitating the digitalisation of agricultural entrepreneurs to not only connect food producers to a wider customer base, but to ensure Malaysians have continuous access to fresh produce to meet their daily needs.

"Digitalisation of this sector is crucial to ensure small businesses and traders in the agricultural industry are able to have long-term sustainability in an era where consumers looking to minimise physical contact and shopping online for groceries and essentials have become mainstream. Through this partnership, we hope to help agricultural clusters digitalise and move their produce online with the help of Lazada. Lazada offers a direct channel to sell farmers' crops online and straight to consumers' tables for a better price, while consumers can purchase them more efficiently and at competitive price points – it's a win-win for consumers and agricultural producers alike," said Magnus Ekbom, Chief Executive Officer of Lazada Malaysia.

“The pandemic has radically shifted the paradigm of servitisation and digitalisation of the economy. This collaboration between Lazada, FAMA and MDEC resonates with our mission as well as that of the Belanjawan 2021 Go-eCommerce and PEMULIH initiatives which seek to empower agri-entrepreneurs to leverage on digital platforms and technologies to further enhance their market reach and performance and in the process, increase consumer confidence in our local produce. Effective collaborations will enable better innovations and MDEC looks forward to more public-private collaborations,” said Aiza Azreen Ahmad, Chief Digital Business Officer, MDEC.

“Through this collaboration among FAMA, Lazada and MDEC, FAMA has set a sales target of RM1.5 million which will benefit 121 FAMA registered entrepreneurs, involving around 600 stock-keeping units. The programme will then be extended to the over 50,705 entrepreneurs in FAMA’s network. Additionally, FAMA is further facilitating the digitalisation of entrepreneurs to increase their income through online platforms which is in line with the Industry Revolution 4.0 (IR 4.0),” said Dato’ Haji Mohamad Mustahapa Bin Awang, Deputy Director General (Development) FAMA.

This campaign, which is as an extension of Lazada’s Pintar Niaga stimulus package, will provide farmers with full access to Lazada’s suite of technology and innovative digital tools, seller training and education through Lazada University, marketing campaigns to assist them in connecting with and expanding their customer outreach, and differentiate themselves on the eCommerce platform. Additional benefits provided to drive traffic to their online stores include:
RM12 off shipping fee with min. spend of RM40
RM5 off orders with min. spend of RM30
RM15 off orders with min. spend of RM60
RM300 ad credits (for farmers onboarded before 1st Sept)
RM150 ad credits (for farmers onboarded from 1st Sept onwards)

Earlier this year in July, Lazada partnered with Ministry of Finance (MOF) and MDEC to launch the Belanjawan 2021 Go-eCommerce Onboarding and Shop Malaysia Online Campaign to support local SMEs and products which runs until 31st December 2021. Agro-based sellers taking the digital leap through the ‘Onboarding of Agrofood Products on eCommerce Platform’ program will also be entitled to offerings from the ‘Shop Malaysia Online’ campaign including discount vouchers of RM10 off minimum spend of RM100, Crazy Flash Sale and Daily Free Shipping.
Lazada Malaysia is committed to enabling the digitalisation of the local SME community and will continue to do so. Since the rollout of its first stimulus package ‘Pakej Kedai Pintar’ in April last year, Lazada has assisted hundreds of thousands of local SMEs sell online and supported their economic recovery through customized benefits and initiatives. This has resulted in a 300% increase in the number of new sellers who have onboarded, with a sales growth uplift that has more than doubled.

AUTHOR: — Bernama SECTION: HOME PAGE: 5 PRINTED SIZE: 243.00cm² REGION: KL
MARKET: Malaysia PHOTO: Full Color ASR: MYR 1,355.00 ITEM ID: MY0045151451



08 SEP, 2021

Giant green turtle found dead on Labuan beach

Borneo Post (KK), Malaysia



# Giant green turtle found dead on Labuan beach

**LABUAN:** A giant green sea turtle was found dead without its head and tail at Layang-Layangan beach, here, on Monday.

The 1.16-metre female from the most endangered and threatened species of sea turtle was found by a villager and children who were playing on the beach around 9 am.

The discovery was reported to Bernama journalist Jailani Hasan who then notified the Fisheries Department at 10.24 am.

The department's marine park and resource management branch head, Vanessa Caroline Lee who arrived at the scene said this was the second discovery after a hawksbill turtle (Eretmochelys imbricata) was found dead on Chimney beach on Sept 6.

"This is the largest turtle we've ever found washed ashore here.

We will make a police report for a thorough investigation to be conducted as we are concerned about possible human wrongdoings that led to the death of the turtles.

She said once the investigation paper was opened, she would urge members of the public and fishermen to channel the related information to her department.

The creature's body and flippers were intact, according to Bernama photographer Muqtadir Halim.

"I was very alarmed and sad to see such a graceful and rare creature lying dead on our shores...it could probably have been struck by a ship in the waters or killed by humans," he said.

The last time a dead green turtle was found was on Feb 9, 2019 on Pohon Batu beach, next to Layang-Layangan beach.

Classified as endangered, green turtles are threatened by over-harvesting of their eggs, hunting of the adults, being caught in fishing nets and loss of nesting beach sites. — Bernama



**Labuan Fisheries Department's marine park and resource management staff measuring the female green turtle which was found dead by a villager at Layang-Layangan Beach yesterday.** — Bernama photo

AUTHOR: — Bernama SECTION: HOME PAGE: 5 PRINTED SIZE: 243.00cm² REGION: KL
MARKET: Malaysia PHOTO: Full Color ASR: MYR 1,355.00 ITEM ID: MY0045151451



08 SEP, 2021

# Giant green turtle found dead on Labuan beach

Borneo Post (KK), Malaysia



## SUMMARIES

LABUAN: A giant green sea t u r t l e was found dead without its head and tail at Layang- Layangan beach, here, on Monday. The 1.16-metre female f r om t he most endangered and threatened species of sea t u r t l e was found by a villager and childrer who were playing on the beach around 9 am.

isentia

AUTHOR: No author available SECTION: HOME PAGE: 1 PRINTED SIZE: 191.00cm² REGION: KL
MARKET: Malaysia PHOTO: Full Color ASR: MYR 2,605.00 ITEM ID: MY0045151975



08 SEP, 2021

## Giant green turtle found dead without head and tail on Labuan beach

Borneo Post (Kuching), Malaysia



# Giant green turtle found dead without head and tail on Labuan beach



Labuan Fisheries Department's marine park and resource management staff lifting the 1.16-meter female green turtle which was found dead by a villager at Layang-Layangan Beach here, yesterday with its head and tail broken apart. — Bernama photo

**LABUAN:** A giant green sea turtle was found dead without its head and tail at Layang-Layangan beach, here, yesterday.

The 1.16-metre female from the most endangered and threatened species of sea turtle was found by a villager and children who were playing on the beach around 9 am. The discovery was reported to Bernama journalist Jailani Hasan who then notified the Fisheries Department at 10.24am.

The department's marine park and resource management branch head, Vanessa Caroline Lee who arrived at the scene said this was the second discovery after a hawksbill turtle (Eretmochelys imbricata) was found dead on Chimney beach yesterday (Sept 6).

"This is the largest turtle we've ever found washed ashore here. We will make a police report for a thorough investigation to be conducted as we are concerned about possible human wrongdoings that led to the death of the turtles.

She said once the investigation paper was opened, she would urge members of the public and fishermen to channel the related information to her department.

The creature's body and flippers were intact, according to Bernama photographer Muqtadir Halim.

"I was very alarmed and sad to see such a graceful and rare creature lying dead on our shores...it could probably have been struck by a ship in the waters or killed by humans," he said.

The last time a dead green turtle was found was on Feb 9, 2019 on Pohon Batu beach, next to Layang-Layangan beach.

Classified as endangered, green turtles are threatened by over-harvesting of their eggs, hunting of the adults, being caught in fishing nets and loss of nesting beach sites. — Bernama

isentia

AUTHOR: No author available SECTION: HOME PAGE: 1 PRINTED SIZE: 191.00cm² REGION: KL
MARKET: Malaysia PHOTO: Full Color ASR: MYR 2,605.00 ITEM ID: MY0045151975



08 SEP, 2021

# Giant green turtle found dead without head and tail on Labuan beach

Borneo Post (Kuching), Malaysia



## SUMMARIES

LABUAN: A giant green sea turtle was found dead without its head and tail at Layang- Layangan beach, here, yesterday. The 1.16-metre female from the most endangered and threatened species of sea turtle was found by a villager and children who wer playing on the beach around 9 am. The discovery was reported to Bernama journalist Jailani Hasan who then notified the Fisheries Department at 10.24am.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 08.09.2021 | BERITA HARIAN | ONLINE | |

# NELAYAN DI KUALA KEDAH TIDAK TURUN KE LAUT, PASARKAN HASIL




ALOR SETAR: Kira-kira 1,000 nelayan di Kuala Kedah terjejas pendapatan apabila tidak dapat keluar ke laut dan menghantar bekalan hasil tangkapan ikan berikutan penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) Kuala Kedah yang dilaksanakan bermula semalam.

Pengerusi Persatuan Nelayan Kebangsaan (NEKMAT), Abdul Hamid Bahari berkata, pada hari pertama PKPD semalam ada kelonggaran sedikit namun hari ini semua tidak dibenarkan melakukan tugas mereka.

Beliau yang juga Pengerusi Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) Kuala Kedah berkata, nelayan pantai dan laut dalam mengalami kerugian besar apabila tidak dapat menjual hasil tangkapan mereka kira-kira 100 hingga 200 tan sehari.

"Selain itu, lori untuk mengambil ikan dan lori ais juga tidak dibenarkan masuk ke kawasan Kuala Kedah menyebabkan sebahagian besar nelayan di sini terpaksa menyimpan stok tangkapan mereka di dalam tong ikan.

"Jika keadaan ini berterusan, ia akan menyebabkan penghantaran ikan untuk pasaran ke beberapa negeri lain seperti Perak, Johor, Melaka, Selangor dan di negeri ini terjejas berikutan Kuala Kedah antara sumber terbesar ikan di negara ini, " katanya ketika dihubungi hari ini.

Abdul Hamid berkata, setiap hari penghantaran ikan dilakukan membabitkan antara 100 hingga 200 tan yang kemudian diagihkan bergantung kepada permintaan negeri berkenaan. Beliau berkata, pihaknya berharap pihak berkuasa dapat melonggarkan pergerakan nelayan dan keluar masuk pengangkutan untuk menghantar ikan bagi mengelak kerugian.

"Sekarang ini tangkapan ikan mula banyak berbanding sebelum ini disebabkan perubahan cuaca namun sekarang PKPD pula dilaksanakan, sukar untuk nelayan mencari hasil pendapatan. "Kalau boleh, longgarkan sikit prosedur operasi standard (SOP) bagi memudahkan pergerakan penghantaran ikan dan tangkapan ikan oleh nelayan dilakukan," katanya.

PKPD Kuala Kedah bermula sejak semalam sehingga 19 September ini membabitkan seluruh kawasan di mukim itu kecuali tiga kampung iaitu Kampung Teluk Talipon, Kampung Baru Bakar Kapur dan Kampung Padang Garam.

Ketua Polis Daerah Kota Setar, Asisten Komisioner Ahmad Shukri Mat Akhir sebelum ini berkata, pemantauan ketat akan dilakukan di dua sekatan jalan raya (SJR) iaitu di Jalan Kuala Kedah dan Kubang Rotan termasuk kawalan di laut bagi mengelakkan penularan jangkitan COVID-19 berikutan PKPD di Kuala Kedah.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 8/9/2021 | UTUSAN MALAYSIA | MUKA DEPAN | 1 |



**Hampa**

AMIR Hamzah, 54, membawa pulang alat menyungkur udang geragau selepas gagal mendapat hasil laut di persisiran Pantai Puteri, Melaka baru-baru ini. - UTUSAN/RASUL AZLI SAMAD

# Belacan, cencaluk bakal pupus

Oleh AMRAN MULUP
utusannews@mediamulia.com.my

**MELAKA:** Pembuatan belacan dan cencaluk secara tradisional di negeri ini semakin terancam berikutan bahan mentah utamanya iaitu udang geragau semakin sukar dicari nelayan pesisir pantai terutamanya di Pantai Puteri, Tanjong Bidara dan Pengkalan Balak.

Aktiviti menangkap udang geragau dengan kaedah tradisional menyungkur iaitu menyodok anak udang menggunakan jaring halus diikat buluh, tidak lagi mampu membawa hasil lumayan.

Dahulu, seseorang nelayan biasanya pulang gembira setiap kali tiba musim air bani atau air mati, iaitu masa paling sesuai menyungkur hasil laut itu sehingga memperoleh hasil 100 kilogram (kg) setiap hari.

Namun, sejak lebih tujuh tahun lalu, pekerjaan tersebut tidak lagi mendatangkan 'durian runtuh' apabila mereka kini hanya mendapat sekitar 2 hingga 5 kg setiap kali keluar menyukur.

Itu hakikat yang sedang dilalui masyarakat di sini, kesan daripada aktiviti pembangunan akibat projek tambakan laut.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, penangkap udang geragau, Ali Zainol, 59, mengakui, sekarang sukar mencari hasil laut tersebut setiap kali tiba waktu untuk menyungkur di pesisir pantai.

**Bersambung di muka 3**

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 8/9/2021 | UTUSAN MALAYSIA | MUKA DEPAN | 3 |

# Belacan, cencaluk bakal pupus

Dari muka 1

Katanya, tiada lagi makna untuk mencari pendapatan tambahan melalui jualan udang geragau, yakni perkara biasa dilakukan nelayan seusia pada 15 tahun lalu.

"Semua ini terjadi disebabkan penambakan laut dari Limbungan hingga ke Pantai Klebang. Apabila laut ditambak ia telah menjejaskan ekosistem pembiakan udang geragau.

"Yang turut terkesan, apabila arus laut turut berubah. Pergerakannya menyongsang dan secara tidak langsung udang geragau lenyap sedikit demi sedikit.

"Saya menyungkur sejak usia 14 tahun. Dulu apabila sekali turun menangkap, bolehlah dapat lebih 100kg setiap kali tiba air bani.

"Pendapatan masa itu boleh dapat antara RM1,000 hingga RM3,000 sehari. Tetapi sejak tujuh tahun kebelakang, nak dapat 10kg pun payah," katanya ketika ditemui di Pondok Mahat Hashim dekat sini.

Ali menambah, daripada 20 nelayan yang mencari udang geragau sebelum ini, kini hanya beberapa orang sahaja masih aktif.

Jelasnya, keadaan berkenaan secara tidak langsung menjejaskan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) yang membuat belacan dan cencaluk secara tradisional.



AMIR Hamzah memasang jaring diikat pada buluh sebelum turun menangkap udang geragau di pesisir pantai di Melaka. - UTUSAN/ AMRAN MULUP

Menurut seorang lagi nelayan, Abdul Aziz Yahya, 59, berkata, pesisir pantai Melaka tidak lagi membawa 'khabar gembira' buat pencari udang geragau.

"Penambakan laut adalah punca utama menyebabkan udang geragau kian sukar diperolehi khususnya di sekitar kawasan ini dan sekali gus mengancam pembuatan belacan dan cencaluk negeri ini," katanya.

Sementara itu, pengusaha belacan pula mengambarkan pembuatan makanan itu dilihat tidak akan bertahan lama bukan sahaja disebabkan udang geragau yang pupus tetapi lebih bermasalah kerana tiada pewaris untuk meneruskan tradisi berkenaan.

Kebimbangan itu disuarakan, seorang pengusaha belacan tradisional sejak lebih 60 tahun, Aini Abd. Majid, 63, enam anaknya yang sudah bekerja enggan mewarisi bakatnya.

"Mereka semua sudah tidak minat nak ikut jejak langkah saya dan suami, Mohd. Yusof Isnin mengusahakan belacan secara tradisional.

"Kami berdua semakin dimamah usia. Dulu saya mampu buat belacan sehingga lebih 60 kilogram (kg) sekali buat, tetapi kudrat tidak lagi mengizinkan.

"Sekarang ini saya hanya terdaya setakat 30kg sahaja," katanya ketika ditemui di gerai milik Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB) di Kampung Batang Tiga dekat sini.

Norashikin Jantan, 43, turut berkongsi masalah sama berikutan enam anaknya berusia tujuh hingga 17 tahun langsung tidak berminat untuk meneruskan legasi keluarga.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 8/9/2021 | NST | NEWS IN BRIEF | 14 |

# Pasir Puteh top freshwater fish producer in Kelantan

**PASIR PUTEH:** Kelantan has released 50,000 to 70,000 fish fry annually over the past 10 years in two rivers in this district to make it one of the largest freshwater fish producers in the state within five years. State Agriculture, Agro-based Industry, Biotechnology, Green Technology and Environment Committee chairman Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail said catfish, *tilapia*, *jelawat* and *tumang galang* were released into rivers in Kampung Tasek Pauh and Kampung Tok Ajam under supervision of the Integrated Agricultural Development Agency. "Hundreds of farmers, including 30 inland fishermen (rivers) who live in the area, including in Kampung Jelor, stand to benefit when they produce (livestock) fish of between 30 to 100kg daily.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 8/9/2021 | HARIAN METRO | LOKAL | 6 |

# Harga ayam mencanak RM9.90 sekilo

**Melaka:** Peniaga ayam di Pasar Besar Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB) Bachang, di sini, meluahkan kebimbangan sekiranya harga jualan ayam terus melonjak melebihi RM10.

Tinjauan mendapati, ayam segar dijual pada harga RM9.90 sekilogram dan difahamkan kenaikan itu berlaku sejak seminggu lalu.

Difahamkan, kenaikan disebabkan harga dedak didakwa tinggi ketika ini.

Peniaga ayam, Ghazali Abu Bakar berkata, harga itu antara paling tinggi dalam tempoh 10 tahun terpaksa dijual selepas berlaku kenaikan mendadak.



AYAM yang dijual RM9.90 sekilogram susulan kenaikan mendadak harga dedak.

Katanya, disebabkan harga tinggi diperoleh daripada pembekal dan ladang, peniaga tiada pilihan selain menjual pada harga RM9.90 berbanding antara RM7 hingga RM8 sebelum ini.

"Sepatutnya harga sekarang melebihi RM10 sekilogram, tetapi kami ambil keputusan jual RM9.90, walaupun untung tidak banyak.

"Kesan kenaikan ini menyebabkan pembeli merungut, contohnya sebelum ini ada biasa beli dua ekor, tetapi disebabkan harga tinggi mereka beli seekor sahaja," katanya.

Sementara itu, Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Melaka, Norena Jaafar berkata, pihaknya tidak menerima sebarang aduan daripada pengguna mengenai kenaikan harga ayam.

Beliau berkata, kenaikan berlaku bagi ayam segar di pasar namun harga jualan ayam di pasar raya masih sama.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 8/9/2021 | SINAR HARIAN | NEGERI TERENGGANU | 26 |

# Mengeluh harga ayam naik

**Kenaikan melebihi RM2 sekilogram beri kesan kepada pengusaha restoran, kedai makan**

Oleh RAHAYU MUSTAFA

KUALA TERENGGANU

Pengusaha restoran, kedai makan dan katering di Terengganu mengakui terpaksa berniaga dalam keadaan tertekan apabila harga ayam di pasaran dilaporkan naik secara mendadak dalam tempoh sebulan.

Rata-rata mereka mengeluh dan kecewa kerana ayam yang dibeli secara borong dengan harga RM5.80 sekilogram pada 1 Ogos meningkat kepada RM8 pada Selasa.

Pengusaha TY Cafe, Taoyebah Abd Aziz, 62 berkata; kenaikan harga ayam sebanyak RM2.20 dalam masa sebulan memberi impak kepada perniagaannya kerana makanan yang dijual tetap pada harga sama dan tidak berubah.

"Walaupun terpaksa menanggung kos, kita tidak boleh naikkan harga jualan kerana keputusan itu akan membebankan pelanggan.

"Saya bimbang jika harga terus naik, apa nasib kami sebagai peniaga," katanya.

Pemilik kedai makan Pak Awi Nasi Ayam, Muhammad Adam Zawawi, 27, pula mengakui terkejut dengan harga borong ayam mencecah RM8 sekilogram kerana kebiasaannya kenaikan harga hanya berlaku apabila tiba musim perayaan.

Muhammad Adam yang memerlukan 220 kilogram ayam sehari bagi operasi dua kedainya berkata, pihaknya tidak dapat mengelak dan terpaksa menyerap penambahan kos, sekali gus menyebabkan keuntungan diperoleh semakin mengecil.

FOTO: BERNAMA



Harga ayam dijual secara runcit RM9.50 sekilogram, manakala harga borong RM8 sekilogram ketika tinjauan di Pasar Besar Kedai Payang pada Selasa.

"Jika harga terus naik dan mencecah RM9 sekilogram, saya mungkin terpaksa mengurangkan jumlah pekerja bagi meminimumkan kos operasi agar tidak menanggung kerugian," katanya yang mempunyai seramai 20 orang pekerja.

Seorang lagi peniaga, Sharifah Mariam Shariff Along, 42, berkata, jika keadaan itu berterusan, dia mungkin akan mendapatkan bekalan ayam mentah dari Kelantan kerana harga di negeri itu lebih murah.

Sharifah Mariam yang mengusahakan restoran dan katering berkata, harga borong sekilogram ayam di Kelantan RM5.50 dan dia memang mengambil bekalan dari sana sekali setiap bulan.

Dalam pada itu, pemilik Matt Orie Corner, Mohd Harun, 46, berharap kerajaan dapat mengambil tindakan sewajarnya bagi memastikan pembekal tidak menaikkan harga sesuka hati, selain memastikan harga ayam di pasaran stabil.

"Saya sebagai peniaga ayam goreng memang terkesan. Kalau kita kecilkan saiz ayam, pelanggan akan mengadu.

"Jadi, saya terpaksa tanggung tambahan kos, lebih-lebih lagi ketika pandemik Covid-19," katanya yang telah mengurangkan kakitangan daripada 50 kepada 15 orang di dua cawangan restorannya sejak tahun lalu.

Sementara itu, tinjauan *Sinar Harian* di Pasar Kedai Payang mendapati harga ayam runcit dijual RM9.50 sekilogram, manakala borong RM8 dan peniaga memaklumkan mereka terpaksa menjual pada harga tersebut kerana harga yang diperoleh daripada pembekal sudah mahal.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 8/9/2021 | SINAR HARIAN | NEGERI TERENGGANU | 26 |

# Harga runcit ayam cecah RM10 sekilogram

**KUALA TERENGGANU** - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Terengganu mengesahkan berlaku kenaikan harga ayam mentah hingga RM10 sekilogram di pasaran negeri itu.

Pengarahnya, Saharuddin Mohd Kia berkata, pihaknya mendapati harga runcit ayam di pasar dijual antara RM8 hingga RM10 sekilogram, pasar raya besar antara RM6.90 hingga RM8.49 sekilogram, manakala pasar raya pula antara RM6.90 hingga 8.89 sekilogram.

Menurutnya, ia adalah hasil tinjauan dan pemantauan pasukan KPDNHEP di 46 lokasi jualan ayam melibatkan pasar basah, pasar raya besar dan pasar raya di seluruh negeri pada Selasa.

"Rata-rata peniaga memberi alasan punca kenaikan harga disebabkan pengurangan bekalan ayam di peringkat ladang.

"Peniaga juga mendakwa peningkatan harga makanan ayam turut menyebabkan berlaku kenaikan kos di peringkat pembekal dan peladang," katanya dalam satu kenyataan pada Selasa.

Sehubungan itu, kata Saharuddin, KPDNHEP akan melakukan pemeriksaan di peringkat rantaian pembekalan untuk mendapatkan maklumat harga dan kos bagi mengesahkan dakwaan tersebut.

Jelas beliau, tindakan di bawah Akta Kawalan Harga dan Anti-Pencatutan 2011 akan diambil jika siasatan mendapati wujudnya pencatutan.

"Bagaimanapun, KPDNHEP Terengganu memberi jaminan bekalan ayam untuk kegunaan rakyat negeri ini adalah mencukupi dan tidak berlaku masalah kekurangan bekalan," katanya.

*Sinar Harian* pada Selasa melaporkan, pengusaha restoran, kedai makan dan katering di negeri itu mengakui terpaksa berniaga dalam keadaan tertekan apabila harga ayam di pasaran dilaporkan naik secara mendadak dalam tempoh sebulan.

Rata-rata mereka mengeluh dan kecewa kerana ayam yang dibeli secara borong dengan harga RM5.80 sekilogram pada 1 Ogos meningkat kepada RM8 pada Selasa.

FOTO: KPDNHEP



**Penguat kuasa KPDNHEP Terengganu melakukan pemeriksaan harga ayam di pasar seluruh negeri pada Selasa.**

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 8/9/2021 | KOSMO | MUKA DEPAN | 1 |

# Hasil laut Pulau Pinang dicuri

**Maritim Malaysia usir 44 bot nelayan asing dalam tempoh enam bulan pertama tahun ini**



KAPAL ronda APMM mengiringi sebuah bot milik nelayan asing yang disyaki menangkap ikan di perairan Pulau Pinang baru-baru ini.

KEKAYAAN hasil laut Pulau Pinang yang terkenal dengan pelbagai jenis ikan seperti senangin, kembong, tenggiri, tongkol dan bawal menarik minat nelayan-nelayan dari Indonesia untuk menceroboh sempadan negara semata-mata untuk mencuri hasil negeri itu.

Pencerobohan itu membabitkan kawasan di dalam perairan negeri dan kawasan pertindihan sempadan Malaysia-Indonesia atau *Unresolved Maritime Boundary*.

Nelayan berkenaan kebanyakannya dikesan berasal dari Belawan, Medan dan Aceh di Indonesia yang terletak berdekatan dengan kawasan perairan negeri ini.

• LAPORAN PENUH DI MUKA 3

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 8/9/2021 | KOSMO | MUKA DEPAN | 3 |



SALAH sebuah bot nelayan asing yang disyaki menceroboh dan menangkap hasil laut di perairan Pulau Pinang baru-baru ini. – IHSAN APMM



KEPELBAGAIAN jenis ikan yang terdapat di perairan Pulau Pinang menarik minat nelayan asing untuk menceroboh. – GAMBAR HIASAN

Perairan Pulau Pinang jadi lubuk nelayan Indonesia tangkap pelbagai jenis ikan

# Ceroboh sebelum kebas hasil laut

Oleh SYALMIZI HAMID

**GEORGE TOWN** – Perairan Pulau Pinang yang terkenal dengan hasil laut termasuk kepelbagaian jenis ikan kini menjadi 'lubuk' kepada kumpulan nelayan dari Indonesia untuk mengaut keuntungan secara haram.

Tidak hanya berani menceroboh sempadan negara, kumpulan nelayan ini yang dipercayai dari Belawan, Medan dan Aceh turut menangkap hasil laut yang terdapat perairan negara, sekali gus memberi kesan kepada hasil pendapatan nelayan tempatan.

Difahamkan, selain kaya dengan hasil laut seperti ikan senangin, kembong, tenggiri, tongkol dan bawal, perairan Pulau Pinang yang berdekatan dengan negara jiran turut menjadi faktor kawasan itu kerap diceroboh nelayan asing.

Pengarah Maritim Malaysia (APMM) negeri, Kepten Maritim Abd. Razak Mohamed berkata, hasil maklumat yang diterima, pencerobohan biasanya berlaku membabitkan kawasan di dalam perairan negeri dan kawasan pertindihan sempadan Malaysia-Indonesia atau *Unresolved Maritime Boundary*.

Katanya, biarpun menyedari risiko ditahan pihak berkuasa negara ini yang melakukan rondaan 24 jam sehari, namun nelayan dari negara jiran itu sanggup mengambil risiko demi membawa pulang hasil laut ke negara mereka.

"Mereka akan meninjau kapal penguatkuasa APMM sebelum merentasi sempadan perairan, sekiranya diusir ada yang masih degil untuk masuk semula sejurus kapal APMM beredar.

"Justeru, kita akan terus berada di situ bagi mengelakkan mereka menceroboh," katanya kepada *Kosmo!* baru-baru ini.

Tambah Abd. Razak, nelayan asing ini juga akan membocorkan bot mereka dan berpura-pura mengalami kerosakan sekiranya ditangkap atau memberi alasan cuba berlindung dari laut bergelora akibat ribut dalam usaha melepaskan diri.

Jelasnya lagi, setakat bulan Jun tahun ini, sebanyak 44 bot nelayan asing daripada 66 bot yang dikesan telah diusir kerana memasuki kawasan *Unresolved Maritime Boundary*, manakala tiga bot dan 15 nelayan ditahan selepas didapati memasuki perairan negara.

"Angka itu meningkat beberapa kali ganda berbanding hanya enam bot daripada 34 bot yang dikesan telah diusir pihaknya sepanjang tahun lalu.

"Dalam tempoh itu, kita menyita hasil laut bernilai RM12,200 berbanding RM8,597 pada tahun lalu, bahkan jumlah sebenar yang dicuri dianggarkan lebih banyak.

"Nelayan asing ini tertarik dengan perairan Pulau Pinang kerana kaya dengan hasil laut seperti ikan senangin, kembong, tenggiri, tongkol dan bawal.

"Perairan Pulau Pinang juga dijaga dengan baik oleh agensi berkaitan seperti Jabatan Perikanan. Selain itu, perairan negeri ini juga mempunyai banyak tukun tiruan di perairan Pulau Rimau ke Pulau Kendi sehinggalah ke sempadan," katanya.

Abd. Razak berkata, pihaknya akan terus mengawal keselamatan di perairan negeri ini yang berkeluasan kira-kira 14,071.6 kilometer persegi dan panjang pantai 359 kilometer daripada ancaman bot nelayan asing.

"APMM Pulau Pinang mempunyai aset sebanyak tujuh buah bot dan tiga kapal, selain rondaan harian helikopter dan pesawat maritim dari Stesen Udara Maritim Subang (SUMS).

"Dengan kekuatan kira-kira 150 keanggotan di negeri ini, APMM Pulau Pinang akan terus berkawal 24 jam sehari bagi memastikan perairan negara sentiasa selamat daripada ancaman," katanya lagi.






ABD. RAZAK

# Pemancing sering terserempak nelayan asing curi ikan

**GEORGE TOWN** – Kumpulan pemancing di negeri ini mendakwa sering terserempak dengan nelayan dari Indonesia yang menceroboh perairan negeri ini bagi menangkap ikan.

Pengerusi Persatuan Nelayan Pulau Pinang Selatan, Arshad Omar berkata, kehadiran nelayan asing berkenaan bagaimanapun tidak begitu menjejaskan nelayan tempatan kerana lokasi mereka yang begitu jauh dari kawasan menangkap ikan.

Menurutnya, nelayan asing terbabit didapati hanya menceroboh di kawasan berjarak lebih 50 batu nautika dari perairan negara.

"Mereka biasanya datang secara berkumpulan iaitu antara empat ke lima buah bot dan hanya menggunakan pukat rawa untuk menangkap ikan.

"Hanya pemancing yang sering terserempak dengan mereka kerana kawasan berkenaan lebih kepada menjadi lubuk pemancing dan jauh dari kawasan nelayan mencari ikan," katanya kepada *Kosmo!*.

Arshad berkata, pihaknya mendapati nelayan asing berkenaan tidak mengganggu pemancing tempatan ketika menceroboh.

"Mereka akan terkejut apabila terserempak pemancing, namun selepas menyedari kami bukan pihak berkuasa mereka teruskan aktiviti menangkap ikan.

"Kebiasaannya nelayan ini akan berada di laut antara dua ke tiga hari sebelum pulang," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 8/9/2021 | KOSMO | NEGARA | 7 |

Orang ramai bersedia ambil tindakan jika harga terus naik

# Boikot beli ayam jika terus mahal

Oleh NOOR NASLIZA NUSI

GEORGE TOWN – Pengguna di negeri ini bersedia untuk memboikot beli ayam segar di pasar awam berikutan harga pasarannya ketika ini dikatakan terlampau mahal sehingga mencecah RM10 sekilogram.

Rata-rata mereka yang ditemui Kosmo! di sini semalam memberitahu harga baharu itu dilihat tidak masuk akal dan nilainya jauh berbeza iaitu RM7.90 sekilogram ketika pelaksanaan Skim Harga Maksimum Perayaan Hari Raya Puasa (SHMMP) 2021 Mei lalu.

Bukan setakat itu, pengguna juga menyatakan kesediaan mereka membeli ayam segar di pasar raya besar mahupun peruncitan selepas ini biarpun terpaksa beratur panjang dan berdepan kehabisan stok barangan itu.

Seorang pengguna, Saraya Ali, 42, berkata, pengguna mempunyai pilihan tersendiri sebelum melakukan sebarang bentuk pembelian dengan mengikut bajet perbelanjaan harian.

Suri rumah itu menambah, tidak menjadi suatu kesalahan besar sekiranya para pengguna atau pelanggan menolak atau


Harga ayam cecah RM10 sekilogram

KERATAN Kosmo! semalam.

memboikot barangan yang dipasarkan pada harga yang lebih mahal.

"Bayangkan, pembelian dua ekor ayam segar untuk dijadikan hidangan seisi keluarga dalam tempoh lima hari sudah mencecah RM40. Ini belum lagi barangan keperluan harian lain seperti sayur-sayuran dan ikan.

Semalam Kosmo! melaporkan harga ayam segar di pasar-pasar awam di seluruh negara mencatat kenaikan ketara sehingga mencecah RM10 sekilogram sejak minggu lalu.

Dalam pada itu, seorang lagi pengguna, Ali Mohd. Rani, 45, yang juga peniaga makanan di daerah Barat Daya pula memberitahu, kenaikan harga ayam yang mencecah RM10 sekilogram turut memberi impak terhadap sumber perniagaannya.

"Sekiranya harga jualan ayam segar itu masih berterusan, saya terpaksa menaikkan harga makanan bagi set hidangan nasi ayam, nasi tomato dan ayam penyet nanti," ujarnya.


SEORANG peniaga ayam memotong ayam di Pasar Awam Pulau Pinang semalam.

Sementara itu, peniaga ayam segar yang hanya mahu dikenali sebagai Faizal, 45, berkata, dia terpaksa menerima hakikat sekiranya pengguna bertindak memboikot pembelian ayam segar di pasar awam.

"Kami berserah dengan apa jua keputusan pengguna tetapi kami merayu campur tangan pihak kerajaan dalam menyelesaikan isu tersebut segera," ujarnya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 8/9/2021 | KOSMO | NEGARA | 7 |

# Kos operasi terus meningkat menekan pengusaha restoran



MOHD. terpaksa memproses sendiri ayam goreng setelah memberhentikan ramai pekerja ekoran kenaikan kos operasi di Restoran Matt Ori, Ladang, Kuala Terengganu semalam.

**KUALA TERENGGANU** – Kenaikan mendadak harga ayam segar walaupun dibeli secara borong sejak awal bulan ini memberi tekanan kepada pengusaha restoran, kedai makan dan katering di negeri ini.

Mereka yang perlu menggunakan bekalan ayam dalam kuantiti banyak setiap hari tidak mampu lagi tanggung peningkatan kos operasi kerana harga borong ayam di negeri ini naik mendadak kepada RM8 sekilogram berbanding RM5.80 sekilogram pada awal bulan lalu.

Seorang pengusaha restoran, Muhammad Adam Zawawi, 27, berkata, beliau memerlukan 210 kilogram ayam setiap hari bagi menjalankan perniagaan nasi ayam di dua cawangan Pak Awi Nasi Ayam di bandar raya ini.

"Harga borong ayam hari ini (semalam) RM8 sekilogram dan saya difahamkan harga runcit pula RM9.50 sekilogram. Saya pelik harga ayam boleh naik berterusan dalam tempoh lama seperti ini sedangkan sekarang di luar musim perayaan.

"Ia amat menekan saya kerana tidak boleh menaikkan harga jualan makanan mahu pun mengecilkan saiz seketul ayam kerana bimbang kehilangan pelanggan yang sudah sedia merosot pada musim pandemik Covid-19 ini," katanya ketika ditemui di sini semalam.

Mohd. Harun pula yang mengusahakan restoran makanan segera ayam goreng, Matt Ori pula berkata, terpaksa kurangkan pekerja bagi serap kos operasi yang semakin tinggi.

"Sebelum ini, saya terpaksa kurangkan pekerja daripada 50 orang kepada 15 orang berikutan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan pada bulan Mac tahun lalu," katanya.

Dalam pada itu Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Hal Ehwal Pengguna Terengganu sahkan berlaku kenaikan harga ayam segar sejak awal bulan ini disebabkan kenaikan harga dedak.